

**TEKS UCAPAN
YAB DATO' SRI MOHD NAJIB BIN TUN HAJI ABDUL RAZAK
PERDANA MENTERI MALAYSIA
SEMPENA HARI PEKERJA PENJAWAT AWAM TAHUN 2014
ANJURAN BERSAMA
KERAJAAN NEGERI KEDAH, CUEPACS &
JABATAN PERKHIDMATAN AWAM
"PENJAWAT AWAM: TIANG SERI NEGARA"
PADA 1 MEI 2014 (KHAMIS), JAM 9.45 PAGI
DI DEWAN WAWASAN, JITRA, KEDAH**

Bismillahirrahmanirrahim.

Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh, Salam Sejahtera dan Salam 1Malaysia.

Yang Amat Berhormat Dato' Seri Haji Mukhriz Tun Mahathir
Menteri Besar Kedah

Yang Berhormat Dato' Sri Richard Riot Anak Jaem
Menteri Sumber Manusia

Yang Berbahagia Tan Sri Dr. Ali Hamsa
Ketua Setiausaha Negara

Yang Berbahagia Tan Sri Mohamad Zabidi Zainal
Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam, Malaysia

Yang Berbahagia Saudara Azih bin Muda
Presiden Kongres Kesatuan Pekerja-pekerja di dalam Perkhidmatan Awam atau CUEPACS

Yang Berbahagia Tan Sri-Tan Sri, Dato'-Dato', Tuan-tuan dan Puan-puan para penjawat awam/pekerja negara yang kita raikan sekalian.

1. Alhamdulillah, segala puji dan syukur saya panjatkan kepada Allah SWT kerana pada hari penuh bersejarah ini, kita dapat bersama-sama berhimpun bagi menjayakan **Hari Pekerja Penjawat Awam Tahun 2014**.

2. Terlebih dahulu saya ingin merakamkan ucapan terima kasih dan penghargaan kepada Yang Amat Berhormat Dato' Seri Haji Mukhriz Tun Dr. Mahathir, Menteri Besar Kedah dan Kerajaan Negeri Kedah yang sudi menjadi tuan rumah bagi majlis yang penting ini.

3. Tidak dilupakan juga ucapan tahniah kepada CUEPACS di bawah presidennya yang baharu iaitu saudara Azih Muda bagi sesi 2013-2016.

Saya difahamkan beliau membawa 4000 ribu ahlinya yang hadir berhimpun memenuhi Dewan Wawasan, Jitra, Kedah pada hari ini.

4. Saya percaya, kepimpinan baharu CUEPACS akan lebih dinamik dan berdaya maju demi menjaga kebajikan para ahlinya. Sehubungan itu, kepada Presiden terdahulu, iaitu Dato' Omar Osman, jasa dan pengorbanan saudara tentulah dikenang dan dihargai oleh kita semua.

5. Tentunya, saya yakin kehadiran tuan-tuan dan puan-puan semua melambangkan komitmen dan dedikasi yang tinggi terhadap tanggungjawab yang telah diamanahkan.

**Bagi saya penjawat awam merupakan nadi utama yang mendenyut dalam pembuluh darah negara.....
Maka, sesuaiilah dengan tema pada hari ini, Penjawat Awam: Tiang Seri Negara.**

Tuan-Tuan dan Puan-Puan Sekalian,

6. Selama puluhan tahun, pabila jatuhnya tarikh 1 Mei, bukan sekadar kita bercuti, bahkan yang lebih utama, kita meraya dan meraikan golongan yang paling mustahak kepada pembangunan negara selama ini. Sesungguhnya, hari ini kita meraikan siapa? hari ini kita meraikan para pentadbir, para pelaksana, para pendidik dan pengasuh, para doktor dan jururawat di hospital, para perajurit di perbatasan, anggota keselamatan, hatta kepada kumpulan pelaksana dan sokongan yang kesemuanya berjumlah 1.5 juta di seluruh negara.

Tuan-Tuan dan Puan-Puan Sekalian,

7. Beberapa hari yang lalu, Malaysia telah mengukir sejarah yang membanggakan apabila Barrack Obama, Presiden Amerika Syarikat, mengadakan lawatan rasmi ke negara kita.

8. Berhubung lawatan penting ini, sebagai rakyat Malaysia, kita kadangkala alpa dengan kepesatan kemajuan dan kejayaan yang telah kita dicapai. Sememangnya, kejayaan yang dikecapi dan ditempa oleh Malaysia seperti dilihat pada hari ini bukanlah terjadi secara semena-mena. Lawatan Presiden Amerika Syarikat itu yang baru berlalu, memberi peluang untuk kita menilai semula prestasi negara berlatarkan perkembangan global dan titik permulaan negara ini. Sesungguhnya, bolehlah disimpulkan bahawa kedatangan Obama memberi sekurang-kurangnya tiga pengiktirafan tinggi kepada negara kita, **pertamanya, sebagai negara membangun dinamik di ambang negara maju dalam konteks mewujudkan fasa baharu yang membawa kepada perkongsian komprehensif bagi hubungan dua hala. Keduanya, sebagai sebuah negara Islam progresif dan makmur, dengan pendekatan kesederhanaan atau wasatiyyah (simboliknya Obama melawat Masjid Negara). Ketiganya, negara yang menjunjung demokrasi berparlimen. Tambahan lagi, dalam peranan kita mempengerusikan ASEAN pada tahun hadapan menjadi satu lagi trajektori dalam menempatkan dan membuktikan keupayaan kepemimpinan/leadership Malaysia di dunia dan di rantau ini khususnya.**

9. Berbanding sebelumnya, seperti lawatan Lyndon B. Johnson, Presiden Amerika Syarikat terdahulu kira-kira 48 tahun dahulu, pada tahun 1966 telah hanya melihat Malaysia melalui lensa pasca-kemerdekaan yang sedang bergelut dengan rintangan komunisme dan pada masa sama sedang bertatih dengan revolusi pertanian demi kemajuan dan pembangunan negara.

Ketika itu, antara yang kita dapat tunjukkan hanyalah ladang-ladang dan pokok-pokok getah. Tapi kini setelah 5 dekad berlalu, kita telah berjaya mempamerkan sebuah Malaysia yang makmur dan maju, menapak jauh dengan kemunculan bangunan-bangunan pencakar langit yang melambung tinggi.

Tuan-Tuan dan Puan-Puan Sekalian,

10. Ingatlah kita tidak sampai di sini dengan tiba-tiba, kesemuanya ini hasil ikhtiar siapa? berlakunya pembangunan pesat kepada negara selama ini usaha siapa? Semestinya, hasil mahsul kegigihan kerajaan yang ditunjangi oleh tuan-tuan dan puan-puan sekalian, selaku penjawat awam, menyokong dan mendukung kerajaan serta sentiasa rela berkorban demi kemakmuran negara.

11. Hakikatnya, ini semua adalah indikasi yang membuktikan bahawa kepimpinan negara sejak merdeka telah berjaya membawa kita berada di landasan yang benar. Kerajaan sebetulnya telah berusaha sebaik mungkin dalam membangunkan negara. **Kerajaan ini jugalah yang sentiasa berikhtiar untuk menambah bilangan penjawat awam, sedangkan pembangkang, hanya ingin membuang tuan-tuan dan puan-puan hingga separuh daripada jumlahnya.**

12. Sebaliknya, kerajaan ini terus membela penjawat awam. Malahan, kita sentiasa berusaha **mengislahkan** penjawat awam daripada melaksanakan dasar dan budaya konvensional, kepada budaya kreativiti, inovasi dan prestasi tinggi, sesuai dengan peredaran dan tuntutan zaman.

SEJARAH JABATAN PERKHIDMATAN AWAM

Tuan-Tuan dan Puan-Puan,

13. Sebenarnya, jika diimbau kembali, sejarah perkhidmatan awam bermula pada tahun 1934. Ketika itu, ditubuhkan *Malayan Establishment Office* yang bertanggungjawab terhadap pentadbiran negara ini.

Kemudiannya pada tahun 1954, ia ditukar nama kepada *Federal Establishment Office* dan seterusnya kepada *Establishment Office of Malaysia*. Sehingga akhirnya, ia ditukar nama kepada Jabatan Perkhidmatan Awam pada 15 Ogos 1968.

14. Secara sejarahnya, ini bererti, kita sudah menjangkau hampir 80 tahun evolusi perkhidmatan awam. Sepanjang tempoh lapan dekad itu juga, perkhidmatan awam telah menunjang negara ini pra dan pasca kemerdekaan, dengan menempa begitu banyak kecemerlangan dalam perkhidmatan.

EPISOD-EPISOD KECEMERLANGAN PENJAWAT AWAM

Tuan-Tuan dan Puan-Puan Sekalian,

KEHILANGAN PESAWAT MH370

15. Dikesempatan ini, izinkan saya untuk berkongsi sedikit perihal misteri kehilangan pesawat malang MH370 kepunyaan Malaysia Airlines atau MAS, di mana sebahagian besarnya masih belum terungkai. Tentunya, segala simpati dan kesedihan saya kepada keluarga dan penumpang anak kapal penerbangan MH370 tersebut, apatah lagi ada di kalangan penumpang di dalamnya adalah ahli CUEPACS. Sebab itu kita bertekad untuk mencari pesawat malang tersebut sehingga ditemui.

16. Namun demikian, saya tetap berbangga kerana penjawat awam adalah nadi kekuatan operasi mencari dan menyelamat (SAR) pesawat MH370 ini, dengan dibantu oleh 26 buah negara lain. Saya dimaklumkan, selain daripada operasi SAR, satu pasukan iaitu **Pasukan Tindakan Krisis atau 'Malaysia Crisis Intervention Team' (MCIT) telah digerakkan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA).**

PERISTIWA PENCEROBOHAN LAHAD DATU

17. Selain itu, masih segar dalam ingatan saya tentang peristiwa sewaktu kita berhadapan dengan pengganas dari Selatan Filipina, yang menggugat kedaulatan negara di Lahad Datu pada awal tahun 2013 yang lalu. Ketika itu penjawat awam terutamanya daripada anggota keselamatan seperti Angkatan Tentera Malaysia (ATM), Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan semua jabatan serta agensi, bekerjasama mempertahankan negara, tampil berkorban demi memastikan keamanan negara dapat dipertahankan sehingga sekarang. **Bagi kita, dalam soal kedaulatan negara, kita tidak akan biarkan watan ini diceroboh walau seinci pun tanahnya.**

NATIONAL BLUE OCEAN STRATEGY (NBOS)

18. Seterusnya, kejayaan negara dalam *National Blue Ocean Strategy (NBOS)*, di mana kita telah menggabungkan kekuatan dan keupayaan polis serta tentera yang melibatkan penggunaan fasiliti, rondaan, operasi bersama. Di samping itu, kita menempa kejayaan dalam penubuhan Pusat Transformasi Luar Bandar atau RTC dan Pusat Transformasi Bandar atau UTC yang berfungsi sebagai pusat sehenti yang menempatkan pelbagai agensi kerajaan di bawah satu bumbung.

MELONJAKKAN AGENDA TRANSFORMASI NEGARA: MEREALITI KEJAYAAN, MENDEPANI HALANGAN KEJAYAAN-KEJAYAAN MALAYSIA

Tuan-Tuan dan Puan-Puan Sekalian,

19. Lima tahun yang lalu, saya memperkenalkan Dasar Transformasi Nasional untuk membolehkan negara keluar daripada perangkap ekonomi berpendapatan sederhana dan seterusnya mencapai status negara maju serta berpendapatan tinggi menjelang tahun 2020. Antara inisiatif utama untuk mencapai objektif tersebut adalah melalui Program Transformasi Kerajaan (GTP), Program Transformasi Ekonomi (ETP), Program Transformasi Sosial (STP) dan Program Transformasi Politik (PTP) serta yang terbaru Program Transformasi Fiskal (FTP).

20. Alhamdulillah, kesemua program di atas telah membuahkan hasil yang memberangsangkan. Antaranya, walaupun kita berdepan dengan ketidakpastian ekonomi dunia, kita saksikan KDNK negara pada tahun 2013 tumbuh pada kadar 4.7 peratus. Manakala, pendapatan per kapita tahun 2014 dijangka mencecah 34,126 ringgit berbanding 24,879 ringgit pada tahun 2009. Ini memperlihatkan peningkatan sebanyak 37 peratus dalam tempoh 6 tahun.

21. Di samping itu juga, kadar kemiskinan terus menurun daripada lebih enam puluh peratus pada awal kemerdekaan kepada 1.7 peratus pada tahun 2012. Kesemuanya ini adalah cerita-cerita kejayaan Malaysia, yang diterajui oleh Kerajaan sekarang, dengan dipasak oleh tiang serinya iaitu pekerja-pekerja dan penjawat awam.

22. Sebagai contoh melalui FTP, Kerajaan melaksanakan rasionalisasi subsidi, daripada memberikan subsidi secara pukal kepada subsidi bersasar bagi kelompok yang benar-benar memerlukan melalui Bantuan Rakyat 1Malaysia (BR1M), kepada rakyat berpendapatan rendah dan sederhana rendah. Pada tahun ini, seramai 7.9 juta orang menerima BR1M 3.0 yang membabitkan peruntukan RM4.6 bilion.

23. Berkait itu juga, Kerajaan telah mengumumkan 11 langkah-langkah penjimatan di sektor perkhidmatan awam, yang bertujuan untuk mengawal perbelanjaan mengurus dan akhirnya menangani isu defisit fiskal negara. Kesemua langkah tersebut perlu disokong sepenuhnya oleh para pekerja semua.

CUKAI BARANG DAN PERKHIDMATAN (GST)

Tuan-Tuan dan Puan-Puan Sekalian,

24. Dalam Bajet 2014, Cukai Barang dan Perkhidmatan atau 'Goods and Services Tax' (GST) diperkenalkan bagi menggantikan cukai jualan dan cukai perkhidmatan atau 'Sales Tax and Services Tax'. Kita percaya GST adalah satu sistem percukaian terbaik setakat ini dan pastinya dengan pelaksanaan tersebut akan dapat menangani kelemahan sistem percukaian sedia ada.

25. Ketika kita berhimpun pada hari ini, demi meraikan penjawat awam yang banyak membantu membangunkan Negara, ada pula perhimpunan membantah GST, yang dirancang oleh pihak yang tidak bertanggungjawab, lebih bertujuan untuk memberi persepsi negatif dan memburuk-burukkan pentadbiran kerajaan demi populariti dan agenda peribadi mereka.

26. Tapi tak mengapalah, biarlah pembangkang tak habis-habis mencari seribu jalan untuk memperlekehkan kita, tapi saya... selaku Perdana Menteri bersama dengan penjawat awam yang setia, akan merintis sejuta jalan demi kemakmuran bersama.

TRANSFORMASI PERKHIDMATAN AWAM : MENYELAMI DENYUT NADI RAKYAT

Tuan-tuan dan Puan-puan,

27. Bagi menyokong menjayakan agenda transformasi nasional, Kerajaan sedang rancak melaksanakan Transformasi Perkhidmatan Awam. **Jabatan Perkhidmatan Awam dan Kementerian Kewangan merupakan dua (2) agensi utama yang diamanahkan untuk menerajui transformasi Perkhidmatan Awam.** Saya dimaklumkan kedua-dua agensi ini telah berjaya mencapai sasaran 'quick wins' sepertimana yang telah ditetapkan. Syabas dan tahniah diucapkan.

28. Lanjutan itu, peranan dan pendekatan Kerajaan juga harus turut berbeza. Hari ini, bukan lagi Kerajaan yang menentukan segalanya. Kerajaan kini bukan sekadar mentadbir untuk rakyat, tetapi juga mentadbir bersama rakyat, membina rangkaian, memudahcara perkhidmatan dan memfokus kepada keberhasilan yang besar serta pantas.

LIMA PRINSIP/KRITERIA TIANG SERI NEGARA

Tuan-Tuan dan Puan-Puan Sekalian,

29. Sememangnya, Penjawat Awam adalah tiang seri negara, terutamanya dalam membantu Malaysia mencapai status negara maju berpendapatan tinggi menjelang 2020.

Makanya, penjawat awam juga seharusnya menerima realiti bahawa hambatan masa dan kehendak zaman berubah dengan cepatnya di kala kita meneruskan kehidupan. Era zaman kerajaan mengetahui segalanya sudah berlalu dan di era pertembungan idea diraikan ini memaksa penjawat awam bergerak dalam titik tolak yang tidak dilalui oleh mereka sebelum ini.

30. Oleh yang demikian, harapan rakyat hanya meningkat terhadap kualiti perkhidmatan yang diberikan. Pada era yang ditentukan oleh kepantasan masa ini (*speed*), penjawat awam semestinya memerlukan ciri ciri sendiri yang berbeza, selari dengan kehendak masa dan zaman masa kini. **Sebagai tiang seri negara, penjawat awam mesti dilengkapi dengan ilmu, kemahiran dan kebolehan tertentu yang bertunjangan kepada lima prinsip/kriteria (*attributes*) tiang seri negara iaitu: Berilmu, Kebolehpercayaan, Budaya Amalan Kerja Terbaik, Semangat Patriotik dan Budaya Keberhasilan Yang Berteraskan 'Outcome Based'.**

31. Memang benar, dalam penjawat awam ada kaedah dan sistem penilaiannya, tetapi 5 prinsip/kriteria ini adalah pengukuhannya untuk kita mendakap transformasi dan bergerak ke hadapan bagi tempoh 50 tahun akan datang.

32. **Kriteria yang pertama: Berilmu.** Penjawat awam hendaklah memastikan mereka sentiasa berilmu pengetahuan, kreatif, inovatif dan mampu menjadi '**figura contoh**' kepada masyarakat terutama dalam bidang keilmuan, budaya berfikir dan adab. Mereka juga mesti meluaskan pembacaan, mengasah pemikiran, mempergiatkan latihan dan meningkatkan amalan budaya ilmu.

33. Hasilnya, penjawat awam dari hari ke hari semakin diyakini akan kemantapan pasukannya yang membawa kepada kebolehpercayaan rakyat kepada mereka. Oleh itu, **Kriteria yang kedua: Kebolehpercayaan.** Ia meliputi sifat jujur, amanah, integriti dan diyakini serta mempunyai nilai-nilai murni sejagat yang dipercayai oleh masyarakat. Apabila kepercayaan masyarakat kepada penjawat awam meningkat, sekaligus mereka akan bertambah yakin kepada kebolehan serta kemampuan kerajaan dalam memimpin mereka dan negara ke arah kemakmuran.

34. **Kriteria yang ketiga: Budaya Amalan Kerja Terbaik atau 'Best Practice'.** Amalan kerja terbaik adalah cerminan kewibawaan bagi penjawat awam. Mereka ini mesti bersungguh dan sentiasa serius dalam pekerjaan, fokus, disiplin, tepati masa dan mempunyai kemahiran serta kompetensi tinggi, supaya dilihat sebagai suatu kumpulan yang dinamik, progresif dan berupaya mendepani keluk. Mereka perlu berusaha untuk mendekati atau '*engagement*' rakyat dalam melakukan sesuatu tugas dan tanggungjawab yang diamanahkan.

35. **Kriteria yang keempat: Semangat Patriotik.** Sepatutnya, kita mesti ada perasaan merasa bangga kerana kita ada dan memiliki sebuah negara, yang namanya Malaysia serta negara ini kitalah pemunya. Saya perhatikan semangat sayang, mencintai dan perjuangan patriotik memartabatkan negara sebegini yang semakin hari semakin luntur jika kita tidak bajai sentiasa.

36. **Kriteria yang kelima: Budaya keberhasilan Yang Berteraskan 'Outcome Based'.** Ini penting bagi meningkatkan mutu dan kualiti kerja dengan bersandarkan kepada petunjuk prestasi utama (KPI) dalam menghasilkan prestasi kerja yang unggul dan cemerlang.

37. Jika kelima-lima kriteria tiang seri negara tersebut diamalkan, maka tidak timbullah isu-isu seperti ketirisan perolehan Kerajaan, rasuah dan salah guna kuasa. Penjawat awam juga boleh menjadi benteng hadapan dalam menangkis dan memperbetulkan tohmahan-tohmahan yang dilemparkan oleh sesetengah pihak yang cuba untuk memburuk-burukkan Kerajaan.

MEMPERSIAGAKAN GENERASI PELAPIS PENJAWAT AWAM/PEKERJA NEGARA HARI MUKA

Tuan-tuan dan Puan-puan,

38. Dalam usaha memajukan negara, penjawat awam perlu peka mengenai cabaran-cabaran yang harus ditempuhi supaya negara sentiasa berada dalam keadaan kompetitif. Menurut laporan **Future State 2030** oleh **University of Toronto** mengenai antara cabaran utama atau 'megatrends' yang boleh memberi impak besar kepada Kerajaan dan Perkhidmatan Awam mulai sekarang hingga tahun 2030 ialah perubahan demografi.

39. Dalam konteks landskap di negara kita, jumlah tenaga kerja dikuasai oleh Generasi X dan Generasi Y. Misalnya dalam Perkhidmatan Awam, 72.7 peratus daripada penjawat awam terdiri daripada Generasi X dan Generasi Y berbanding Baby Boomers sebanyak 27.3 peratus.

Justeru itu, generasi muda dan pelapis ini mempunyai peranan yang besar dalam menentukan bagaimana negara ini ditadbir dan diuruskan pada masa hadapan.

40. Justeru itu, kita perlu mempersiapkan generasi pelapis penjawat awam pada masa depan. Generasi pelapis ini mestilah berdaya maju, dilatih dengan peranan yang besar dalam menentukan bagaimana negara ini ditadbir dan diuruskan pada masa hadapan.

PENUTUP

41. Atas segalanya, marilah kita berdoa dan berharap semoga segala usaha dan ikhtiar ini mendapat keberkatan dan keredhaan daripada Allah SWT jua.

42. Akhir kalam, saya ucapkan Selamat Hari Pekerja Penjawat Awam Tahun 2014 kepada semua penjawat awam.

Sekian, Wabillahi Taufiq Walhidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Terima kasih.